

'Pengesasan Pilihanraya' gimik pembangkang-PM

UM 2 - MAR 1990

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

SUBANG 1 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penubuhan sebuah badan yang dinamakan 'Pengesasan Pilihanraya' hanyalah sebahagian dari gimik politik pihak pembangkang.

Beliau berkata, orang-orang yang menganggotainya tahu mereka tidak boleh berbuat apa-apa dan kerajaan tahu awal-awal lagi bahawa tujuan mereka hanyalah untuk mengkritik kerajaan.

"Ada orang berkata, mereka adalah

sebuah badan bebas, berkecuali dan tidak berat sebelah tetapi kita tahu mereka adalah kumpulan yang anti kerajaan.

"Macam Majlis Peguam, kita tahu apa kerjanya. Mereka tidak ada kerja lain selain dari asyik memburuk - burukkan kerajaan di mata dunia dan tidak ada langsung kerja mereka yang positif terhadap kita," ujar beliau ketika ditanya pandangan kerajaan mengenai penubuhan kumpulan itu.

Bercakap dalam sidang akhbar sekembalinya dari Lusaka di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pagi ini beliau bertanya apakah Majlis Peguam betul-betul menghormati mahkamah apabila mereka mengemukakan permohonan memenjarakan Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar.

"Inilah masalahnya jika orang yang tahu undang-undang memutarbelitkan undang-undang setelah mereka melihat lubang dalam undang-undang yang boleh mereka gunakan untuk kepentingan diri mereka sendiri," kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan tidak akan bertindak terhadap kumpulan 'Pengesasan Pilihanraya' itu.

"Itu terpulang pada mereka, mereka boleh mengkritik tetapi sebelum mereka membentangkan laporan kita dah tahu bahawa mereka akan bertindak berat se-

LIHAT MUKA 2

GIMIK 1999 PEMBANGKANG - PM

belah kerana bagi mereka kerajaan ini korup dan mereka pula betul," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau menambah, walaupun badan itu diketuai oleh seorang bekas hakim tetapi rakyat mestilah sedar bahawa seorang hakim tidak semestinya selalu bertindak betul dan tidak berat sebelah.

Tegas Dato' Sri Dr. Mahathir, jika ada rakyat yang suka negara mereka dicaci ataupun suka mencaci negara mereka sendiri,

mereka boleh terus menyokong kumpulan ini.

Tetapi beliau mengingatkan, tindakan seumpama itu hanya akan merugikan negara serta mengancam proses pelaburan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, apabila bercakap mengenai penyalahgunaan kuasa ia tidak semestinya berlaku pada sebuah kerajaan yang memerintah tetapi juga pada kumpulan dan orang-orang seperti ini.

Semalam Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Tan Sri Haji Abdul Kadir Talib mene-

gaskan beliau telah memberitahu kepada kumpulan "Pengesan Pilihanraya" itu bahawa negara tidak memerlukan sebuah lagi SPR kerana pengendalian pilihanraya di negara ini telah berjalan dengan adil dan tidak berat sebelah.

Katanya sejak merdeka, tiada bukti yang menunjukkan bahawa SPR telah menyeleweng dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai sebuah badan bebas yang berkecuali dan tidak memihak.

Kumpulan "Pengesan Pilihanraya" yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamad Suffian Hashim telah mengeluarkan satu kenyataan mempertikaikan kredibiliti SPR sebagai sebuah badan bebas.

Selain Tun Suffian enam lagi tokoh yang menganggotainya ialah dua orang bekas Pengerusi Majlis Peguam Malaysia, Raja Aziz Addruse dan Dato' Param Cumaraswamy, Presiden ALIR-AN, Dr. Chandra Muzaffar serta bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria.